

NO. SOALAN : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN  
[ KAMPAR ]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) jumlah wang yang dilaburkan oleh FELDA dalam Felda Global Ventures (FGV) dan Felda Investment Corporation (FIC); dan
- (b) nilai semasa pelaburan ini dan jumlah keuntungan atau kerugian dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan FGV syarikat persendirian dan apakah kos yang terlibat untuk berbuat demikian.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, FELDA mempunyai pegangan langsung sebanyak 21.25 peratus dalam Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan pegangan tidak langsung (*melalui Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd - FAHC*) sebanyak 12.42 peratus yang menjadikan jumlah keseluruhan pegangan FELDA di dalam FGV adalah sebanyak 33.67 peratus.

Pegangan saham FELDA di dalam FGV direkodkan sebagai Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu di mana FGV direkodkan pada kos dengan nilai RM3,389.39 juta dalam Penyata Kewangan FELDA bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sebanyak RM328.33 juta telah dibayar oleh FGV kepada FELDA sebagai dividen ke atas pegangan saham FGV. Manakala Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) merupakan syarikat subsidiari milik penuh FELDA. Sehingga 30 Jun 2017, FELDA telah memberikan suntikan modal sebanyak RM500 juta kepada FIC.

Sehingga 30 Jun 2017, berdasarkan kepada pegangan secara langsung sebanyak 21.25 peratus oleh FELDA dalam FGV, FELDA telah mengalami kerugian tidak nyata yang dianggarkan sebanyak RM2,064.09 juta. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian tidak nyata ini tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan FELDA kerana FGV dikategorikan sebagai sebuah Syarikat Bersekutu. Ini adalah mematuhi Piawaian

Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) 128 : Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama.

Pada masa ini, tiada lagi keputusan untuk menjadikan FGV syarikat persendirian, memandangkan syarikat ini merupakan syarikat senaraian awam yang tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

Sekian. Terima kasih.